



## HUKUM TIDAK MENUTUP AURAT

# TETAPI **SOLATNYA** TIDAK TINGGAL

WALAU AGENDA SEHARIAN KITA PENUH JANGAN SESEKALI  
KITA MELUPAKAN SANG PENCIPTA. INI KERANA ADA  
BANYAK IBADAH MUDAH YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH  
HIJABI *ON-THE-GO*. APA YANG PENTING ADALAH NIAT  
MELAKUKANNYA KERANA ALLAH.

Dalam senario 'new ummah' masa kini kita sering didedahkan dengan pelbagai situasi. Misalnya seorang wanita yang tidak menutup aurat tetapi tetap solat lima waktu. Menjadi persoalannya, adakah solat yang dilakukan itu tidak sah dan hanya sia-sia ataupun sebaliknya.

Menjawab kemusykilan ini menurut Ustaz Azhar Idrus, tidak tinggal solat bermakna seseorang itu masih lagi Islam. Jika tidak bersolat, maka tiada satu rukun Islam.

Dan jika tidak cukup satu rukun maka tidak sempurnalah Islamnya. Sama seperti solat yang mempunyai 13 rukun.

Jika tidak rukuk maka tidak sah solatnya. Jadi, apabila tinggal satu daripada rukun Islam, seseorang tidak dikatakan Islam.

Jika tidak tutup aurat tetapi tetap menunaikan solat, dia dikira berdosa kepada Allah. Tetapi Islamnya masih ada, kecuali jika dia meninggalkan solat, maka Islamnya akan tercabut.

Wanita yang tidak memakai hijab tetapi bersolat itu lebih baik daripada wanita yang menyarung tudung tetapi tidak menunaikan suruhan yang wajib ini.

Manakala bagi wanita yang masih tidak bertudung, hendaklah dia memasang azam untuk memakai tudung. Insyaa-Allah. **hb**

